

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

6. Perubahan Kerajaan Pusat selari dengan Kerajaan Negeri suatu yang besar manfaatnya. PERDA contohnya mempunyai aset hartanah di dalam KADUN Bayan Lepas yang masih tidak dimajukan untuk rakyat contoh sebidang tanah yang agak luas di Kampung Sungai Batu.
 - (a) Bolehkah Kerajaan Negeri meminta PERDA membina rumah kos rendah untuk memenuhi keperluan rakyat yang mendesak?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Perubahan pentadbiran Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang selari membolehkan banyak inisiatif berkaitan perumahan untuk dilaksana. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang memiliki tanah seluas 47.624 ekar di Mukim 11, Sungai Batu, Daerah Barat Daya telah merancang pembangunan bercampur di tapak tersebut. PERDA Ventures Incorporated (PVI) telah menandatangani perjanjian pembangunan bersama Asta Gemilang Sdn Bhd di mana antara komponen projek adalah rumah pangsa kos rendah 450 unit dan Rumah Mampu Milik C (maksima RM300,000) sebanyak 2,150 unit. Pada peringkat ini, permohonan pelingkungan semula masih dalam proses manakala Kerajaan

Negeri telah mengarahkan agar isu setinggan diselesaikan terlebih dahulu.

- (a) Kerajaan Negeri akan mensyaratkan jumlah minima 30 % bagi pembinaan Rumah Mampu Milik A dan B atau kombinasi keduanya bagi pemajuan di tapak berkenaan selaras Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pemajuan melebihi 149 unit di kawasan luar bandar dan 99 unit di kawasan bandar dipatuhi.